



180. Kerja Yang Tidak Melebihi RM200,000

Kerja-kerja Requisition

- 180.1 (b) Kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan **kontraktor gred G1** yang berdaftar dengan **CIDB selaras dengan AP 184.1(d)** di bawah kategori yang berkaitan. Gred dan kategori adalah istilah yang digunakan oleh CIDB.
- 180.1(c) Bagi kerja-kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM100,000 pemilihan kontraktor hendaklah dibuat secara adil melalui undian atau pusingan di kalangan **kontraktor gred G1** yang berdaftar **dengan CIDB selaras dengan AP 184.1(d)** di bawah kategori berkaitan.

Kerja-kerja Bukan Requisition

- 180.2(a) Kerja-kerja yang tidak menggunakan Jadual Kadar dan bernilai tidak melebihi RM200,000 hendaklah dilaksanakan oleh **kontraktor gred G1 yang berdaftar dengan CIDB selaras dengan AP 184.1(d)** di bawah kategori yang berkaitan.
- 180.2(b) Kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM20,000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan **kontraktor gred G1 yang berdaftar dengan CIDB selaras dengan AP 184.1(d)** di bawah kategori yang berkaitan.
- 180.2(c) Kerja-kerja yang bernilai melebihi RM20,000 hingga RM200,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan **kontraktor gred G1 yang berdaftar dengan CIDB selaras dengan AP 184.1(d)** di bawah kategori yang berkaitan. Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecilkan nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga.



PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN



- 180.2(d) Kerja-kerja yang bernilai melebihi RM200,000 hingga RM500,000 hendaklah dipelawa secara sebut harga di kalangan kontraktor gred G2 yang berdaftar dengan CIDB di bawah kategori yang berkaitan. Kementerian/Jabatan adalah dilarang.